

Kesan Penghayatan Ihsan terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Islam

The Effect of Ihsan's on the Moral Formation of Muslim Teenagers

NOZIRA SALLEH* & MARYAM ZULAIKHA RAMLAN

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author; email: aziera@ukm.edu.my

Received: 4 January 2023/Revised: 29 May 2023/Accepted: 17 July 2023/ Publish: 1 December 2023

ABSTRAK

Ihsan wajar dijadikan pendekatan utama dalam proses membentuk akhlak remaja Islam kerana ia merupakan salah satu bentuk rangsangan dalaman yang berbentuk kesedaran dalam hati manusia bahawa Allah tidak pernah hilang pandangan terhadap apa yang telah Dia ciptakan. Ia juga memberikan penekanan kepada unsur diri yang halus kerana dari sinilah terbitnya tingkah laku luaran dalam bentuk perkataan atau perbuatan. Maka, kajian ini dilakukan untuk mengesahkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pembentukan akhlak remaja Islam dengan penghayatan ihsan. Pengkaji telah memilih mahasiswa Tahun 2 dan 3 Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai sampel kajian. Persampelan tersebut telah menetapkan bahawa seramai 278 orang responden diperlukan disebabkan jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 953 orang. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26. Kajian dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara pembentukan akhlak remaja Islam dengan penghayatan ihsan. Kajian ini dapat memperbanyak rujukan sedia ada yang membahaskan tentang ihsan dalam bahasa yang mudah difahami masyarakat awam kerana perbahasannya dalam pengkajian ini masih di peringkat pengenalan ataupun permulaan. Ini bermakna, kajian ini dapat mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan disebabkan ihsan memberi kesedaran kepada seseorang itu bahawa Allah SWT yang sentiasa melihatnya. Remaja Islam yang menghayati ihsan akan berakhlak dengan akhlak yang baik kerana yakin kepada pengawasan Allah (ihsan) yang meliputi zahir dan batin.

Kata kunci: Ihsan; remaja Islam; akhlak; pembentukan; penghayatan

ABSTRACT

Ihsan should be used as the main approach in the process of shaping the morals of Muslim youth as it provides internal stimulation in the form of awareness within the human heart that God never loses sight of His creation. It also emphasizes the subtle elements of the self, since self-drives the external behavior in the form of words or actions. Therefore, this study was conducted to find out the correlation between the appreciation of ihsan and the formation of morals of Muslim teenagers. The researcher has selected Year 2 and 3 Bachelor students from Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia as the study sample. The sampling has determined that a total of 278 respondents are needed because the total population is 953 people. This study was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 26. The result proved a strong and significant positive relationship between the moral formation of Muslim teenagers and the appreciation of ihsan. This study can expand the existing references that debate about Ihsan in a language that is easily understood by the general public, as the discourse in this study is still at the introductory or beginning stage. Accordingly, this study can shape a balanced and harmonious person in terms of intellect, spirituality, emotion and body as required in the Philosophy of National Education, owing to Ihsan giving awareness to that person that Allah SWT always sees them. Young Muslims who embody ihsan will portray good behavior as they are convinced in Allah's supervision (Ihsan) which bound external and internal aspects.

Keywords: Ihsan; Islamic youth; morality; formation; appreciation

PENGENALAN

Ihsan merupakan salah satu daripada tiga perkara yang menjadi dasar utama bagi ajaran Islam menerusi penemuan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah di mana hadith tersebut membincangkan takrifan iman, Islam dan ihsan secara sekaligus.

Ihsan meliputi aspek akhlak, iaitu peraturan-peraturan berhubung nilai baik dan buruk antara manusia sesama manusia serta antara manusia dengan alam dan Tuhan. Konsep ihsan meliputi dua bahagian utama kehidupan individu Muslim. Pertama, ihsan dalam beribadah pada Allah SWT seakan-akan memandang-Nya atau merasa dilihat oleh-Nya. Kedua, ihsan dalam memenuhi keperluan kebaikan sesama makhluk dengan melaksanakan hak-hak mereka (Wan Helmy Shahriman, Rubiah & Che Zuina 2022). Syaikh 'Abdurrahman as Sa'di rahimahullah seperti yang dipetik oleh Mianoki (2010) menjelaskan bahawa ihsan ada dua jenis, melibatkan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan sesama makhluk.

Ihsan ialah kebaikan atau perbuatan yang baik, yang dilakukan oleh manusia di muka bumi ini hasil gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan. Jelasnya, ihsan bermaksud "Ibadah yang disertai dengan muraqabah secukupnya kepada Allah SWT. Yakni hatinya sentiasa terasa diawasi oleh Allah SWT dengan memiliki sifat amanah, warak, takwa dan sebagainya.

Sekiranya gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan itu disertai dengan muraqabah secukupnya kepada Allah SWT. Yakni hatinya sentiasa terasa diawasi oleh Allah SWT membuahkan amal baik itu terjadi dalam gerak automatik, yang tidak memerlukan pengaturan. Apabila anggota-anggota badan bergerak melakukan ketaatan, ia adalah seperti alat yang sudah ada fungsi ketetapan, lalu ia tidak memerlukan kepada pengaturan dan penetapan dalam memeliharanya atas perilaku-perilaku yang benar. Apabila *al-qalb* menjadi tenggelam dengan Rabb yang disembah, maka anggota-anggota badan itu dipakai serta berjalan atas kebenaran dan istiqamah tanpa pemberatan diri.

Oleh itu, usaha untuk membentuk jati diri muslim memerlukan tumpuan kepada pendidikan *ruhiyyah*. Pendidikan *ruhiyyah* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada pendidikan berkenaan *qalbu* dan pembaikannya (Sa'id Hawwa 1997). Ini kerana *qalbu* adalah perkara asas dalam diri manusia dan berperanan dalam menentukan sikap seseorang, *qalbu* yang baik akan menzahirkan sifat yang baik

dan menurut Suhaya et al. (2017), pelbagai masalah yang dihadapi oleh manusia bukan sahaja berpunca daripada aspek lahiriah tetapi berpunca dari aspek spiritual, terutama bersangkutan dengan soal hati dan emosi. penghayatan dan pengamalan kerohanian yang berkait rapat dengan hati dan *aqal* berperanan memperkasakan jiwa manusia untuk menjadi insan yang bertakwa (Afandi, Nik Mohd Rahimi & Harun 2020).

Bagi tujuan memperkasa peranan unsur *ruhiyyah* dalam diri, ia perlu kepada tumpuan pendidikan yang khusus disebut sebagai pendidikan kerohanian atau spiritual. Ia merujuk kepada pendidikan yang berteraskan kepada keimanan kepada Allah SWT serta pembersihan hati kerana hati yang bersih akan menganggap semua perbuatan yang dilakukan seharian sebagai salah satu bentuk ibadah.

Menurut Imam al-Ghazali lagi (1989: 61), ihsan yang difahami dengan sebenar-benarnya akan menjadikan semua ibadah yang dilakukan menjadi lebih sempurna apabila seorang *abid* menyempurnakan syarat, rukun, sunnah dan adab-adabnya serta sunyi ibadah mereka daripada perkara yang boleh merosakkan ibadat, Hasilnya, semua ibadah yang dilakukan sesuai dengan kehendak syariat.

Maka, jiwa kehambaan yang disuburkan dalam diri akan menjadikan manusia berkeperibadian mulia sehingga bermanfaat bagi dirinya dan masyarakat (Mohd Fuad et al. 2017).

Orang Islam yang menghayati ihsan akan bukan sahaja akan menjadi hamba yang taat kepada perintah Allah, mereka juga akan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak dan pelajar dengan baik bertepatan dengan kata pepatah Melayu iaitu benih yang baik kalau dicampak ke darat menjadi gunung dan kalau dicampak ke laut menjadi pulau, menandakan yang baik tetap akan baik sekalipun di mana pun ia berada.

Kaedah umum pendidikan kerohanian atau spiritual ini adalah seperti yang dinyatakan al-Ghazali (2014) iaitu ia perlu diisi dengan ilmu dan hikmah dan ilmu yang paling mulia ialah ilmu tentang Allah SWT, sifat-sifatNya dan *af'al*-Nya yang sempurna, setelah melalui penyucian hati daripada kekotoran dan menghindarkan diri daripada akhlak yang terkeji.

Untuk itu, Imam al-Ghazali (1989: 64) yang beraliran Ahli Sunnah wal Jamaah telah mengatakan bahawa batasan ilmu yang wajib dipelajari dalam ilmu tauhid atau yang menjadi kefarduan ke atas setiap orang Islam adalah ilmu

yang dengannya mereka dapat mengetahui asas-asas agama (Usuluddin). Ilmu Tauhid menegaskan bahawa orang Islam memiliki Rabb yang Maha Kuasa (*qudrah*), Maha Berkehendak (*iradah*), Maha Hidup (*hayah*), Maha Berbicara (*kalam*), Maha Mendengar (*sama*), Maha Melihat (*basar*), Maha Esa (*wahdaniyah*) yang tidak ada sekutu bagi-Nya, yang memiliki sifat dengan sifat-sifat yang sempurna dan Maha Suci daripada kekurangan. Ilmu tersebut turut memberi tahu bahawa Dia yang mengadakan segala sesuatu dan hanya Dia sendiri yang bersifat *qidam* (terdahulu), mendahului segala yang wujud kemudian (*hawadith*) (al-Ghazali 1989: 64).

Alasan mengapa ilmu harus didahulukan daripada ibadah adalah agar ibadah itu dapat dipraktikkan secara benar. Untuk itu, seorang ahli ibadah wajib memiliki pengetahuan yang cukup tentang Zat yang harus mereka sembah seperti nama-nama-Nya, sifat-sifat-Nya, zat-Nya, apa yang wajib dan mustahil bagi-Nya supaya seseorang tidak mengiktikadkan sesuatu yang tidak layak bagi-Nya (al-Ghazali 1989: 60-61).

Dengan kefahaman yang benar tentang ihsan, maka orang Islam akan meyakini bahawa tidak ada sesuatu perkara yang tidak dilihatNya, sama ada perkara tersebut jauh atau dekat, tersembunyi atau terang, gelap atau cerah dan sebagainya. Maka dengan semua ini Allah melihat dengan sifat BasarNya dan bukan dengan menggunakan mata seperti makhluk ciptaanNya (Noraine 1999: 60), justeru menatijahkan orang Islam berhati-hati dengan setiap tindakan yang bakal diambil.

Ar-Raqib (الراقب) adalah salah satu daripada 99 Nama-nama Allah yang Indah dan maknanya ialah Yang Memelihara, yang tidak ada yang tersembunyi dari-Nya dan yang tidak hilang pandangan terhadap apa yang telah Allah ciptakan.

Orang Islam yang mempunyai iktikad yang benar tentang sembilan puluh sembilan (99) nama-nama Allah serta mengetahui 20 sifat yang wajib bagi-Nya dan 20 sifat yang mustahil bagi-Nya akan berakhlak dengan akhlak yang baik.

Berhubung dengan perkara di atas, dalam konteks pendekatan agama Islam, penghayatan ihsan merupakan salah satu cara yang berkesan dalam membentuk akhlak remaja Islam disamping berupaya menerapkan pelaksanaan nilai-nilai murni dalam diri seseorang. Oleh itu, dalam menangani akhlak mazmumah, ihsan yang merupakan *tarbiyyah ruhiyyah* wajar dihayati bagi membolehkan diri pelajar menghadapi apa sahaja bentuk cabaran dunia moden yang tidak lagi datang dalam bentuk

penjajahan, tetapi datang dalam bentuk pemikiran sekular yang datang melalui sistem pendidikan. Tingginya penghayatan ihsan dalam diri pelajar juga dapat membentuk nilai-nilai murni seperti jujur, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.

Menurut Ranita Manap et al. (2018), kebanyakan pelajar yang terlibat dengan gejala tidak bermoral seperti berkhalwat dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam ini datang daripada pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi.

Menurut Maizatul Izzati & Noremy (2020), walaupun hubungan percintaan dalam kalangan mahasiswa merupakan perkara sinonim diperkatakan di universiti, namun cinta dalam kalangan mahasiswa kini telah menimbulkan pelbagai isu sosial yang menjejaskan kehidupan seharian mereka seperti terlibat dengan pergaulan bebas dan yang lebih membimbangkan lagi apabila terlibat dengan hubungan terlarang sebelum berkahwin. Berdasarkan Nur Akmaliah & Mawar (2022), kekacauan tersebut berlaku dalam kehidupan remaja hari ini disebabkan remaja tidak memahami bentuk cinta unggul sebagai jalan solusi. Menurut data yang dikutip, isu cinta dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Bangi telah mendapati empat kesan utama daripada percintaan ini iaitu pengurusan masa yang tidak cekap, pengurusan emosi yang tidak profesional, pengurusan kewangan yang tidak terkawal dan kesan terhadap isu kepercayaan.

Apabila pelajar beramal dengan pemahaman yang benar tentang bentuk cinta unggul, pastinya gejala tidak bermoral seperti berkhalwat tidak berlaku. Berdasarkan kedua-dua dapatan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa hubungan percintaan kekal menjadi kelemahan utama mahasiswa, termasuk mereka yang berlatar belakangkan pendidikan agama yang tinggi. Ini bukan sesuatu yang menghairankan kerana menurut Khadijah (1994), apabila seseorang itu telah baligh, berlaku perubahan perasaan yang menyebabkan timbul keinginan seksual terutamanya bagi remaja lelaki. Disebabkan itu, pelajar IPT tidak terkecuali daripada pengisian keperibadian dan identiti ibadah kerana seseorang remaja yang sudah mencapai tahap baligh tidak semestinya sudah mencapai tahap kematangan akal fikiran (Azyyati, Fariza & Salasiah Hanin 2013).

Oleh kerana terdapat beberapa pandangan bahawa penghayatan ihsan boleh mengatasi masalah keruntuhan akhlak seperti berkhalwat dalam kalangan remaja Islam, maka kajian ini cuba melihat tahap

kefahaman dan pengamalan ihsan remaja Islam agar kajian ini dapat meningkatkan kefahaman dan menyuburkan pengamalan ihsan sedia ada mereka yang terdiri daripada penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia atau lebih khusus lagi, mereka yang menyambung pelajaran ijazah di dalam program kendalian Fakulti Pengajian Islam. Kajian ini juga dibuat untuk mendapatkan kesahan bahawa remaja Islam yang menghayati ihsan mempunyai akhlak yang lebih baik berbanding daripada mereka yang kurang menghayatinya berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh secara jelas dan diukur secara saintifik.

TINJAUAN LITERATUR

Remaja lazimnya dikaitkan dengan kemelut sosial. Kefahaman agama yang rendah adalah faktor remaja terjerumus ke arah gejala sosial. Rendahnya kefahaman seseorang terhadap syariat-syariat agama akan memberi kesempatan untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah dalam Islam. Hal ini terbukti dengan pelaksanaan pelbagai jenis gagasan mahupun dasar dan pelan pembangunan modal insan. Ini merupakan suatu yang menjadi petunjuk kepada menurunnya nilai adab sehingga perlu diwujudkan satu gagasan ataupun dasar dan pelan untuk mengajar cara berakhlak. Menurut Ruzieha (2017), fitrah manusia perlukan panduan dalam hidupnya. Agama mampu memberikan sebuah kerangka moral sehingga menjadikan seseorang dapat membezakan antara yang baik dengan buruk. Penghayatan agama kekal menjadi relevan dalam mengekalkan kehidupan berakhlak dalam diri.

Remaja dan permasalahan sosial bukanlah mudah untuk ditangani apa lagi hendak diselesaikan. Ianya memerlukan semua pihak yang signifikan terlibat secara serius memikir, mengkaji dan memahami serta mencari jalan penyelesaian (Mohamed Sharif, Zainudin & Jamaluddin 2004). Umum mengetahui bahawa usia remaja adalah sinonim dengan tekanan dan kekeliruan. Saat ini semakin ramai remaja mengalami hambatan dalam melaksanakan tugas perkembangannya padahal remaja dituntut agar mampu beradaptasi dengan perkembangan zaman dengan tetap menjaga keimanan yang kukuh, tidak terlibat dalam kancah penagihan dadah, ketagih terhadap pornografi, melakukan seks bebas dan mengambil minuman keras (Miftahul Jannah 2016). Kemerostan akhlak yang berleluasa kini amat membimbangkan banyak pihak. Keadaan ini perlu dicari jalan penyelesaian

seberapa segera sekiranya masyarakat berhasrat membangunkan modal insan yang berakhlak dan meningkatkan peradaban ummah dengan berkesan (Asmawati 2006).

Justeru, persoalan pembentukan akhlak golongan remaja menjadi satu persoalan yang amat penting dalam senarai tugas dan tanggungjawab sesuatu masyarakat dan negara. Ini kerana teguhnya sesuatu ummah itu kerana baik akhlaknya dan robohnya sesuatu ummah itu kerana buruk akhlaknya (Mohamed Hamdan 2011). Dalam konteks merealisasikan hasrat untuk menjadikan golongan remaja sebagai teras pembangunan masyarakat, usaha untuk membentuk golongan remaja yang berkualiti mestilah dilakukan sebaik-baiknya dan berlaku secara berterusan (Anuar 2001). Penanaman akhlak kepada anak-anak pada usia masih kecil perlu diteruskan sehingga ke usia remaja kerana saat-saat seperti itulah merupakan waktu yang tepat untuk mengarahkan keperibadian mereka, sebelum mereka mengenal sisi kehidupan yang lain (Misbahul Wani 2019).

Oleh kerana para remaja merupakan aset yang amat penting bagi kecemerlangan negara pada masa akan datang, maka mereka perlu mempunyai keupayaan untuk mengimbangi pembangunan sahsiah yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran agama dan nilai-nilai budaya dalam masyarakat. Pembangunan sahsiah penting dalam membina satu generasi pelapis yang bakal memimpin negara pada masa akan datang. Pembangunan yang dilakukan perlulah seiring daripada semua aspek iaitu aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek yang berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah (Mohd Hafiz 2006). Akhlak dan remaja tidak dapat dipisahkan. Bagi membentuk akhlak yang mulia perlunya *tarbiyyah ruhiyyah* agar individu remaja itu terbentuk dengan perlakuan dan akhlak yang baik mengikut *tarbiyyah Islamiyyah* yang terarah berpandukan al-Quran dan as-Sunnah (Haslinda 2016). Al-Quran dan al-Hadith telah menganjurkan satu cara untuk manusia sentiasa bersemangat untuk berakhlak mulia. Cara ini adalah dengan menanamkan perasaan ihsan dalam diri.

Ihsan dalam beribadah kepada Allah bermakna beribadah kepada Allah seolah-olah melihat-Nya atau merasa diawasi oleh-Nya, manakala ihsan dalam hak makhluk adalah dengan menunaikan hak-hak mereka (Zaitul Azma 2017). Kata 'ihsan' apabila dinisbatkan kepada peribadatan kepada Allah merupakan kebalikan daripada kata "*ghaflah*" iaitu lalai dalam merasakan diawasi oleh Allah yang menatijahkan orang Islam tidak dapat mengendalikan tingkah laku

mereka kerana tidak merasakan pengawasan Allah.

Nilai ihsan perlu menjadi tabiat daripada hasil ibadah yang disempurnakan di mana, sesungguhnya nilai ihsan menerusi al-Quran merujuk kepada dua definisi penting iaitu pertamanya ihsan bermaksud “sesuatu yang terbaik dan paling elok” manakala maksud ihsan yang kedua melalui hadith Jibril ialah melakukan sesuatu amalan secara berkualiti melalui suatu tahap kesedaran yang tinggi bahawasanya setiap tindakan tersebut dalam pemerhatian dan penilaian Allah SWT (Muhammad Heikal & Noor Azizah 2019).

Terdapat beberapa kajian tentang penghayatan ihsan yang telah dijalankan oleh pengkaji seluruh dunia. Salah satunya ialah kajian yang dilakukan oleh Nor Akrimi dan Anuar pada tahun 2017 yang bertajuk “Penghayatan Ihsan Sebagai Medium Pengukuhan Budaya Kerja Berintegriti”. Nilai ihsan merupakan salah satu rangsangan dalaman yang berbentuk kesedaran dalam hati manusia untuk memperbaiki amalan dan melakukan kebaikan dengan ikhlas kerana merasa pengawasan Allah. Penjiwaan nilai ihsan sebagai medium untuk memupuk integriti walaupun orang lain tidak melakukan perkara yang benar dan betul. Walaupun tidak diganjar atau diberi penghargaan, orang yang menjiwai nilai ihsan tetap ikhlas melakukan kebaikan semata-mata untuk mengharapkan keredaan Allah yang sentiasa memerhati dan mengawasi setiap amal perbuatan. Kesedaran diri manusia bahawa Allah sentiasa memerhati segala gerak geri menjadikan manusia mengawal diri daripada amalan tidak berintegriti seperti rasuah, pengubahan wang dan lain-lain lagi yang disebut sebagai jenayah kolar putih. Akan tetapi, di dalam kajian ini, tidak disebutkan bagaimana nilai ihsan dapat memberi kesan positif terhadap diri pelajar seperti tidak melakukan plagiat terhadap hasil kerja rakan yang turut tergolong sebagai budaya kerja berintegriti.

Menurut Muhammad Heikal dan Noor Azizah pada tahun 2019 yang menulis artikel bertajuk “Hubungan Penghayatan Nilai Ihsan Dengan Prestasi Kerja 70 Orang Pensyarah Di Kolej Universiti Islam Melaka”, nilai ihsan ini amat dititikberatkan oleh Pencipta agar setiap umat menjadikan nilai ihsan sebagai budaya yang sehati dalam diri terutamanya semasa melaksanakan sesuatu amalan pekerjaan dan pengurusan sama ada dalam organisasi, masyarakat mahupun berkeluarga sebagaimana Dia telah menciptakan dan melakukan sesuatu tindakan secara penuh ihsan iaitu dengan sebaik-baiknya tanpa kecacatan. Nilai ihsan perlu menjadi tabiat dalam

pekerjaan sebagai pensyarah kerana komponen ihsan ini menekankan bahawa program kualiti mestilah turut mengambil kira kualiti atau kebajikan pekerja dan tidak hanya terhad kepada penambahbaikan kualiti dalam bidang pekerjaan sahaja (Mohd Salmi & Rushaimi 1996; Hasan Al-Banna, Ab Mumin & Siti Arni 2011). Didapati bahawa penghayatan nilai ihsan yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja pensyarah. Akan tetapi, di dalam kajian ini, tidak disebutkan bagaimana nilai ihsan dapat memberi kesan positif terhadap diri pelajar seperti melakukan tugas dengan penuh kualiti yang turut dinilai sebagai prestasi kerja.

Berdasarkan semua tinjauan literatur di atas, secara jelas ia menunjukkan bahawa nilai ihsan merupakan salah satu rangsangan dalaman yang berbentuk kesedaran dalam hati manusia untuk memperbaiki amalan dan melakukan kebaikan dengan ikhlas kerana merasa pengawasan Allah. Nilai ihsan memberi perhatian khusus kepada penjagaan dan pemeliharaan unsur diri yang halus kerana daripada diri inilah terbitnya tingkah laku luaran dalam bentuk perkataan atau perbuatan. Akhlak merupakan manifestasi yang dirangkaikan bersama hati dan budi yang bersifat rohani, dipamerkan melalui gaya dan tindakan. Lantaran itu, untuk membina dan membentuk akhlak individu dan masyarakat ia haruslah terlebih dahulu melalui pembentukan yang bersifat rohani. Dalam konsep akhlak Islam, ihsan merupakan salah satu daripada empat aspek yang digariskan oleh al-Quran dan hadith yang menjadi asas kepada pembentukan amalan akhlak mulia. Nilai ihsan ini amat dititikberatkan oleh Pencipta agar setiap umat menjadikan nilai kualiti ihsan sebagai budaya yang sehati dalam diri terutamanya semasa melaksanakan sesuatu amalan pekerjaan dan pengurusan sama ada dalam organisasi, masyarakat mahupun berkeluarga sebagaimana Dia telah menciptakan dan melakukan sesuatu tindakan secara penuh ihsan iaitu dengan sebaik-baiknya tanpa kecacatan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan satu kaedah dalam pengumpulan data iaitu kajian tinjauan yang merupakan salah satu metode pengumpulan data bagi reka bentuk kajian kuantitatif. Instrumen bagi kajian tinjauan ialah borang soal selidik bagi membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan di antara pembentukan akhlak remaja Islam yang menyambung pelajaran ijazah di bawah

program kendalian Fakulti Pengajian Islam dengan penghayatan ihsan.

Pensampelan dalam kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dikategorikan di bawah teknik *nonprobability sampling*. Persampelan bersetujuan telah menetapkan ciri-ciri tertentu yang hendak dipilih sebagai responden kajian iaitu mahasiswa Tahun 2 dan 3 serta calon Sarjana Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Berdasarkan matlumat yang telah diperolehi daripada Pembantu Tadbir Urus Setia Prasiswazah, jumlah pelajar bagi tahun

2 adalah sebanyak 453 orang manakala tahun 3 adalah sebanyak 500 orang yang menjadikan jumlah keseluruhan populasi adalah sebanyak 953 orang mahasiswa Tahun 2 dan 3 Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 2021/2022.

Dalam menentukan saiz sampel, pengkaji telah memilih penggunaan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Jadual penentuan saiz sampel menunjukkan pengkaji memerlukan saiz sampel seramai 279 orang.

JADUAL 1. Tahun Pengajian Responden

Pusat Kajian	Kekerapan	Peratus
Tahun 2 Sarjana Muda	124	44.4
Tahun 3 Sarjana Muda	155	55.6
Jumlah	279	100

Soal selidik ini bersifat tertutup kerana pilihan jawapan telah sedia diberikan dan skala yang digunakan semasa pengkaji membuat borang soal selidik ialah Skala Likert Lima yang sesuai untuk mengukur sikap, pendapat atau persepsi seseorang. Item konstruk yang dikemukakan juga mengandungi soalan negatif dan positif. Menurut Noraini (2010), terdapat dua cara penyelidik mendapatkan instrumen iaitu peroleh dan tadbir instrumen yang pernah digunakan (*adopt*), atau tadbir instrumen baru yang dibina oleh penyelidik sendiri atau orang lain (*adapt*). Instrumen kajian ini adalah instrumen tadbiran penyelidik sendiri.

Soal selidik yang diedarkan mengandungi empat (4) bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A ialah maklumat demografi responden seperti pusat kajian, tahun pengajian, jantina, tahap pendidikan ibu dan bapa mereka manakala bahagian B ialah pernyataan item. Soal selidik Bahagian A mempunyai 5 item tentang demografi responden. Bahagian B mengandungi 14 item konstruks untuk mengukur kefahaman responden tentang ihsan. Bahagian C mengandungi 13 item konstruks untuk mengkaji tahap pengamalan dalam kalangan responden. Bahagian D mempunyai 13 item konstruks untuk mengetahui implikasi penghayatan ihsan kepada pembentukan akhlak mereka. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan program SPSS versi 26.

Bagi mencapai objektif 1 dan 2, statistik deskriptif yang asas seperti taburan kekerapan, peratusan, dan taburan kecenderungan berpusat iaitu skor min. Min adalah purata keutamaan skor atau persetujuan responden dan dibahagikan dengan tiga kategori tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Manakala bagi mencapai objektif 3, ia diukur dengan nilai koefisien Kolerasi Pearson. Salkind (2007) menyatakan Kolerasi Pearson digunakan untuk menilai darjah hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji yang diwakili oleh simbol r . Nilai r menunjukkan keadaan hubungan pembolehubah dan pelbagai dari 0.00 hingga ke ± 1.00 , dengan maksud 0.00 mewakili tiada hubungan, $+1.00$ mewakili hubungan yang positif dan -1.00 mewakili hubungan yang negatif. Pengkelasan nilai r terdiri daripada sangat kuat, kuat, sederhana, lemah dan sangat lemah.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

IMPLIKASI IHSAN TERHADAP PEMBENTUKAN AKHLAK

Untuk melihat tahap persetujuan responden tentang implikasi ihsan terhadap pembentukan akhlak. Nilai min bagi setiap item dipaparkan. Pengkategorian dibuat berdasarkan skala berikut:

JADUAL 2. Nilai Pekali Koefisyen Kolerasi

Nilai Pekali	Hubungan
1.0	Sempurna
0.80-0.99	Sangat kuat
0.60-0.79	Kuat
0.40-0.59	Sederhana
0.20-0.39	Lemah
0.01-0.19	Sangat lemah
0.0	Tiada hubungan

Sumber: Guildford's Rule of Thumbs 1973 dalam Salkind (2007)

JADUAL 3. Tahap Skor Min

Julat Min	Tahap
0.00 hingga 2.29	Rendah
2.30 hingga 36.9	Sderhana
3.70 hingga 5.00	Tinggi

Segmen ini menyatakan tentang tahap persetujuan responden tentang implikasi ihsan terhadap pembentukan akhlak. Nilai min dan magnitud nilai min yang dikemukakan menggambarkan aras persetujuan mereka.

Jadual 4 menunjukkan nilai min yang paling tinggi dan yang paling rendah bagi 10 item konstruk yang berada di bawah pembolehubah C, iaitu mengetahui tahap persetujuan remaja Islam tentang implikasi ihsan.

Secara keseluruhannya, responden kajian iaitu nilai min yang paling tinggi (min: 4.6416) dan yang paling rendah (min: 4.5556) mempunyai aras pengamalan yang tinggi terhadap ihsan. Perkara ini terbukti dengan kenyataan 'saya bersetuju bahawa penghayatan ihsan menjadi pengawal kepada orang Islam supaya tidak melakukan perkara yang tidak baik' dengan nilai min ialah 4.6237.

Mereka juga bersetuju bahawa seorang remaja yang menghayati ihsan akan menganggap kerjaya sebagai seorang penuntut ilmu sebagai salah satu bentuk ibadah. di mana responden mencapai nilai min: 4.6093.

Seterusnya, responden juga bersetuju bahawa penghayatan ihsan akan memberi galakan kepada kepada remaja Islam untuk sentiasa melazimi tazkiyat an-nafs (penyucian hati) di mana responden mencapai nilai min: 4.6272.

Mereka juga bersetuju bahawa penghayatan ihsan dapat mengelakkan perkara-perkara syubhah seperti mencampur-adukkan hasil kerja yang diplagiat dengan hasil kerja sendiri di mana responden mencapai nilai min: 4.5735.

Seterusnya, responden juga bersetuju bahawa penghayatan ihsan dapat membantu negara dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara Malaysia di mana responden mencapai nilai min: 4.5556.

Mereka bersetuju bahawa ihsan telah memberi galakan supaya mereka turut mengambil berat terhadap unsur dalaman di mana responden mencapai nilai min: 4.6057.

Penghayatan ihsan juga menyebabkan segala perbuatan mereka dilakukan dengan penuh kualiti di mana responden mencapai nilai min: 4.5663.

Seterusnya, responden juga bersetuju bahawa kesedaran tentang ihsan mengawal diri pelajar Islam daripada amalan tidak berintegriti seperti melakukan plagiat terhadap hasil kerja rakan di mana responden mencapai nilai min: 4.5806.

Mereka juga bersetuju apabila dikatakan penghayatan ihsan menyebabkan orang yang menjiwainya tetap ikhlas melakukan kebaikan semata-mata untuk mengharapkan keredaan Allah walaupun tidak diganjar atau diberi penghargaan di mana responden mencapai nilai min: 4.6237.

Seterusnya, responden juga bersetuju apabila dikatakan bahawa ihsan akan menatijahkan orang Islam berasa malu terhadap Allah menyebabkan mereka memelihara tingkahlaku di mana responden mencapai nilai min: 4.6380.

Responden juga tidak menafikan bahawa penghayatan ihsan dapat melatih remaja Islam bersikap telus dengan Allah tentang setiap kegiatan mereka di mana responden mencapai nilai min: 4.6344.

Mereka turut bersetuju bahawa remaja Islam yang menghayati ihsan akan menjaga kepala, hati serta anggota badan daripada apa yang difikirkan kerana yakin kepada pengawasan Allah (ihsan) yang meliputi zahir dan batin di mana responden mencapai nilai min: 4.6416.

Terakhir, mereka juga bersetuju bahawa penghayatan ihsan akan menyebabkan mereka

berhati-hati terhadap setiap pengambilan makanan yang akan menjadi darah daging di mana responden mencapai nilai min: 4.6237.

Kesimpulannya, penghayatan ihsan benar-benar dapat melahirkan individu unggul dalam segenap aspek kehidupan. Dengan menghayati ihsan, remaja Islam bukan sahaja akan menjadi hamba yang taat kepada perintah Allah, mereka juga akan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak dan pelajar dengan baik bertepatan dengan kata pepatah Melayu iaitu benih yang baik kalau dicampak ke darat menjadi gunung dan kalau dicampak ke laut menjadi pulau, menandakan yang baik tetap akan baik sekalipun di mana pun ia berada.

Persoalan kajian iaitu apakah implikasi penghayatan ihsan kepada pembentukan akhlak remaja Islam telah dijawab di bahagian ini.

JADUAL 4. Tahap persetujuan responden tentang implikasi ihsan

Kod	Item Soalan	Min	Tahap
D1	Saya tahu bahawa penghayatan ihsan menjadi pengawal kepada orang Islam supaya tidak melakukan perkara yang tidak baik.	4.6237	Tinggi
D2	Saya tahu bahawa seorang remaja yang menghayati ihsan akan menganggap kerjaya sebagai seorang penuntut ilmu sebagai salah satu bentuk ibadah.	4.6093	Tinggi
D3	Saya tahu bahawa ihsan akan memberi galakan kepada remaja Islam untuk sentiasa melazimi tazkiyat an-nafs (penyucian hati).	4.6272	Tinggi
D4	Saya tahu bahawa penghayatan ihsan dapat mengelakkan perkara-perkara syubhah seperti mencampur-adukkan hasil kerja yang diplagiat dengan hasil kerja sendiri.	4.5735	Tinggi
D5	Saya tahu bahawa penghayatan ihsan dapat membantu negara dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara Malaysia.	4.5556	Tinggi
D6	Ihsan memberi galakan kepada saya untuk turut mengambil berat terhadap unsur dalaman.	4.6057	Tinggi
D7	Ihsan menyebabkan segala perbuatan saya dilakukan dengan penuh kualiti.	4.5663	Tinggi
D8	Kesedaran tentang ihsan mengawal diri pelajar Islam daripada amalan tidak berintegriti seperti melakukan plagiat terhadap hasil kerja rakan.	4.5806	Tinggi
D9	Orang yang menjiwai nilai ihsan tetap ikhlas melakukan kebaikan semata-mata untuk mengharapkan keredaan Allah walaupun tidak diganjar atau diberi penghargaan.	4.6237	Tinggi
D10	Ihsan akan menatijahkan orang Islam berasa malu terhadap Allah menyebabkan mereka memelihara tingkahlaku.	4.6380	Tinggi
D11	Penghayatan ihsan dapat melatih remaja Islam bersikap telus dengan Allah tentang setiap kegiatan mereka.	4.6344	Tinggi
D12	Remaja Islam yang menghayati ihsan akan menjaga kepala, hati serta anggota badan daripada apa yang difikirkan kerana yakin kepada pengawasan Allah (ihsan) yang meliputi zahir dan batin.	4.6416	Tinggi
D13	Remaja Islam yang menghayati ihsan juga akan berhati-hati terhadap setiap pengambilan makanan yang akan menjadi darah daging.	4.6237	Tinggi
	Jumlah	4.6079	Tinggi

ANALISIS KORELASI

Bahagian ini akan mengkaji hubungan linear antara dua (2) pemboleh ubah, iaitu, adakah tahap

penghayatan remaja Islam tentang ihsan akan memberi kesan terhadap pembentukan akhlak remaja Islam.

KORELASI ANTARA PENGHAYATAN IHSAN PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA ISLAM

JADUAL 5. Korelasi antara penghayatan ihsan pembentukan akhlak remaja Islam

		Korelasi	
		Pembentukan akhlak	Penghayatan ihsan
Pembentukan akhlak	Korelasi Pearson	1	.634**
	Sig. (2 hujung)		.000
	N	279	279
Penghayatan ihsan	Korelasi Pearson	.634**	1
	Sig. (2 hujung)	.000	
	N	279	279

** . Korelasi adalah signifikan pada aras keertian 0.01 (Dua hujung).

Jadual 5 di atas menunjukkan nilai korelasi (0.634) positif iaitu menunjukkan hubungan berkadar langsung antara penghayatan ihsan dengan pembentukan akhlak. Semakin meningkat tahap penghayatan ihsan maka pembentukan akhlak semakin tinggi. Nilai 0.634 sangat menghampiri nilai 1.00 (korelasi positif sempurna) menunjukkan korelasi antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan adalah hubungan positif yang kuat. Simbol asterisk (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 0.01 (iaitu 99% selang keyakinan). Jadual analisis korelasi dengan simbol asterisk (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 0.01. Keputusan mendapati wujud hubungan positif yang kuat ($r_{xy} = 0.634$) dan signifikan ($p:0.00 < 0.01$) antara penghayatan ihsan dengan pembentukan akhlak. Ini bererti, apabila penghayatan ihsan adalah tinggi, kemungkinan ianya memberi kesan terhadap pembentukan akhlak remaja Islam adalah kuat. Kesimpulannya, terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara pembentukan akhlak remaja Islam dengan penghayatan ihsan.

ANALISIS

Dapatan kajian adalah konsisten dengan kajian lepas. Menurut Muhammad Heikal dan Noor Azizah pada tahun 2019 yang menulis artikel bertajuk “Hubungan Penghayatan Nilai Ihsan Dengan Prestasi Kerja 70 Orang Pensyarah di

Kolej Universiti Islam Melaka”, nilai ihsan ini amat dititikberatkan oleh Pencipta agar setiap umat menjadikan nilai ihsan sebagai budaya yang sehati dalam diri terutamanya semasa melaksanakan sesuatu amalan pekerjaan dan pengurusan sama ada dalam organisasi, masyarakat mahupun berkeluarga sebagaimana Dia telah menciptakan dan melakukan sesuatu tindakan secara penuh ihsan iaitu dengan sebaik-baiknya tanpa kecacatan. Nilai ihsan perlu menjadi tabiat dalam pekerjaan sebagai pensyarah kerana komponen ihsan ini menekankan bahawa program kualiti mestilah turut mengambil kira kualiti atau kebajikan pekerja dan tidak hanya terhad kepada penambahbaikan kualiti dalam bidang pekerjaan sahaja (Mohd Salmi & Rushaimi 1996; Hasan Al-Banna, Ab Mumin & Siti Arni 2011). Didapati bahawa penghayatan nilai ihsan yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja pensyarah.

KESIMPULAN

Kajian mendapati terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara pembentukan akhlak remaja Islam dengan penghayatan ihsan. Penghayatan ihsan perlu sentiasa diterapkan apabila melihatkan kepada fungsi dan faedahnya dalam kehidupan. Sesungguhnya ihsan yang dihayati memberi impak yang positif terhadap tingkahlaku pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan mereka bersetuju akan implikasi penghayatan ihsan kepada kehidupan seharian. Justeru, penghayatan ihsan wajar dijadikan pendekatan utama dalam usaha membentuk akhlak remaja Islam.

Kajian ini dilakukan untuk memberikan sumbangan kepada dunia ilmu, pelajar, masyarakat dan negara dengan memberikan indikasi awal kepada tahap kefahaman remaja Islam tentang ihsan serta tahap pengamalan mereka sebelum dilaksanakan dasar, pelan atau gagasan yang bersesuaian dengan tahap kefahaman dan pengamalan mereka sekarang.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman dan pengamalan remaja Islam tentang ihsan. Dapatan kajian akan memberi petunjuk sama ada mereka benar-benar mempunyai kefahaman yang benar tentangnya atau tidak. Tahap kefahaman mereka dapat diketahui dengan melihat kepada perolehan analisis tahap sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap pengamalan ihsan dalam kalangan remaja Islam dalam kehidupan seharian. Tahap pengamalan mereka dapat diketahui dengan melihat kepada dapatan analisis tahap sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Dapatan ini berguna sebagai penanda aras sebelum melaksanakan dasar yang ingin menggunakan pendekatan ihsan ketika membentuk akhlak remaja Islam. Pelaksanaan mana-mana dasar dalam kerajaan perlulah mengambil kira tahap pendidikan masyarakat di bandar dan di luar bandar, orang awam mahupun golongan terpelajar, agamawan atau bukan agamawan supaya hasil kajian adalah berimbang bagi setiap komponen masyarakat.

Kajian ini memberi galakan kepada ahli akademik melakukan kajian yang mendalam tentang faedah penghayatan ihsan yang mana ia perlu dijadikan silibus sebagai pendekatan awal dalam membentuk akhlak remaja Islam semenjak di peringkat sekolah menengah sebagaimana mata pelajaran Syariah dan Tauhid dijadikan subjek teras bagi sekolah menengah agama sebagaimana menurut Seri Kartini & Fariza (2013) bahawa Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan untuk memberi ilmu pengetahuan ajaran Islam tetapi juga berperanan membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar dalam kehidupan seharian.

SUMBANGAN PENGARANG

Membina metodologi dan edit data; Maryam Zulaikha Ramlan dan Nozira Salleh; menilai. Semua

pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan manuskrip.

RUJUKAN

- al-Quran.
- Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Harun Baharuddin. 2020. Amalan kerohanian dan kaitannya dengan kebimbangan bahasa dalam kalangan penuntut sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia. *Islāmiyyāt* 42(1) 2020: 57 – 63.
- Anon. 1988. *Gelanggang*, bil. 3/88, Julai/ Ogos/ September. Tanpa Tempat (t.tp.) / Tanpa Penerbit (t.pt.)
- Anuar bin Puteh. 2001. Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*. 19(2): 79-101.
- Asmawati Suhid. 2007. Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. (8): 167-178.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasia Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *Islamiyyat* 35(1) 2013: 111 – 119.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1989. *Minhaj al-'Abidin ila Jannah Rabb il-'Alamin*. Tahqiq Mahmud Mustafa Halawi. Edisi Pertama. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah.
- Haslinda Masian. 2016. Keberkesanan modul kerohanian pemulihan akhlak remaja di Baitul Ehsan daerah Sabak Bernam, Selangor. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pendidikan ke arah Keamanan Global. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur, 30 November-1 Disember.
- Kamaruddin Mohd Yusoff. 1991. Panduan mendidik anak menurut Imam Al-Ghazali. *Majalah UMMI* Mei: 5-7.
- Miftahul Jannah. 2016. Remaja dan tugas-tugas perkembangannya dalam Islam. *Jurnal Psikoislamedia*. 1(1): 243-256.
- Misbahul Wani. 2019. Pemuda dalam al-Qur'an dan as-Sunnah: Pemuda Islam yang berkualitas tidak lepas dari pendidikan orang tua yang totalitas. *AL-DZIKRA*. 13(1): 71-94.
- Mohamed Hamdan Abdullah. 2011. *Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja Perempuan Islam Di Politeknik di Negeri Perak: Jenis-Jenis Dan Faktornya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Sharif Mustaffa, Zainudin Hassan & Jamaludin Ramli. 2004. *Komuniti remaja & permasalahan sosial: Peranan guru sebagai penolong bantu di sekolah. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia. Langkawi, 4-6 September.
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dan Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. 2017. Pendidikan Rohani Berasaskan Sains alQuran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1: 64-77.
- Mohd Hafiz Bin Kamarudin. 2006. Pembangunan sahsiah pelajar dan peranannya dalam pencegahan masalah gejala sosial: Satu kajian di Kolej 10 UTM. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Heikal Mesran & Noor Azizah Jakaria. 2019. Hubungan penghayatan nilai ihsan dengan prestasi kerja pensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Maw'izah*. Jilid 2: 23-30.

- Nur Akmaliah Alias & Mawar Safei. 2022. Pembentukan Sahsiah Remaja Islam Melalui Puisi Melayu. *Jurnal Melayu* Vol. 21 (1) 2022.
- Nurzatil Ismah binti Azizan, Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff & Nazneen binti Ismail. 2018. Pembentukan Jati Diri Remaja Dalam Aspek Ruhiyah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Ikon Remaja Dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 11, Isu 1, Halaman 64-74
- Ruzieha Abd Halim. Ogos 2017. Penghayatan agama Islam sebagai mediator dalam hubungan antara persekitaran sosial dengan salah laku seksual pelajar Islam. Tesis Dr. Fal, Program Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sa'id Hawwa. 1997. *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. Cet. 5. Al-Ghawriyyah: Dar al-Salam.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat* 35(1) 2013: 29 – 38.
- Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohamad Izzat Emir Ghazali. 2017. Persepsi Masyarakat terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual. *Islamiyyat* 39(1) 2017: 57 – 65.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1980. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wood, J., Chapin, K. & Hannah, M. E. 1988. Family environment and its relationship to underachievement. *Adolescence* 23(90): 283-290.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2017. *Kepentingan nilai insan & ihsan dalam pemupukan nilai santun dalam komunikasi. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-2 (PASAK17)*. Anjuran Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajang, Selangor, 26-27 April.